

BETA PERKENANKAN,  
**(RAJA IDRIS ISKANDAR SHAH)**  
 Sultan Perak  
 (Mohor Kerajaan)

28hb November, 1979.

Suatu Enakmen untuk membenarkan Negeri menjamin satu pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak oleh sesuatu Bank atau lain-lain sumber kewangan yang mana melibatkan tanggungan kewangan bagi Negeri, wang berjumlah tidak lebih dari satu ratus juta ringgit (\$100,000,000) bagi tujuan-tujuan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, 1967.

[ 19 DIS 1979 ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Perak seperti berikut.

1. Enakmen ini dinamakan Enakmen Jaminan Pinjaman (Perbadanan Kemajuan Negeri Perak), 1979. Tajuk ringkas.
2. Kerajaan Negeri adalah dengan ini dibenarkan, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Fasal 111 (3) Perlembagaan Persekutuan, seksyen 15 Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, 1967 dan Enakmen ini untuk menjamin satu pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, 1967 oleh sesuatu Bank atau lain-lain sumber kewangan yang mana melibatkan tanggungan kewangan bagi Negeri, yang berjumlah tidak lebih dari satu ratus juta ringgit (\$100,000,000) atas peraturan-peraturan dan syarat-syarat sebagaimana yang dipersetujui di antara Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan sesuatu Bank atau lain-lain sumber kewangan. Kuasa untuk menjamin.
3. Semua wang-wang yang dipinjam dan dijamin di bawah seksyen 2, hendaklah dibayar kepada Kumpulanwang Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, 1967. Pembayaran dan penggunaan wang pinjaman.
4. (1) Semua wang yang dipinjam dan dijamin di bawah seksyen 2, bersama-sama dengan semua faedah dan lain-lain bayaran yang dikenakan di atasnya, hendaklah dibayar balik mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dipersetujui di antara Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Bank atau lain-lain sumber kewangan mengikut seksyen 2. Pembayaran balik.

(2) Sekiranya Kerajaan Negeri dipinta oleh Bank atau lain-lain sumber kewangan untuk menunaikan jaminannya maka hendaklah dikeluarkan dari Kumpulanwang Negeri Yang Disatukan dan dibayar kepada Bank atau lain-lain sumber kewangan semua wang yang harus dibayar di bawah jaminan itu mengikut peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam jaminan itu.

Diluluskan pada 3hb September, 1979.  
[P.K.N. Pk. (Sulit) 40/1/1.]

**(HUSAIN BIN HAJI ANJANG PULAU),**  
*Setiausaha,*  
***Dewan Perhimpunan Undangan Negeri,***  
***Perak***

(RAJA IDRIS ISKANDAR SHAH),  
*Sultan of Perak*

(State Seal)

28th November, 1979

An Enactment to authorise the State to guarantee a loan to the Perak State Development Corporation by a Bank or other financial source, which involves a financial liability to the State, in the sums of money not exceeding One Hundred Million Ringgit (\$100,000,000) for the purposes authorised by the Perak State Development Corporation Enactment, 1967.

[ 19 DEC 1980 ]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perak as follows.

**1.** This Enactment is cited as the Loan Guarantee (Perak State Development Corporation) Enactment, 1979. Short title.

**2.** The State is hereby authorised, subject to the provisions of Article 111 (3) of the Federal Constitution, section 15 of the Perak State Development Corporation Enactment, 1967 and this Enactment, to guarantee a loan to the Perak State Development Corporation established under section 3 of the Perak State Development Corporation Enactment, 1967 by a Bank or other financial source which involves financial liability on the State, in the sums of money not exceeding One Hundred Million Ringgit (\$100,000,000) on such terms and conditions as may be agreed upon between the State, the Perak State Development Corporation and the Bank or other financial source.

**3.** All monies borrowed and guaranteed under section 2, shall be paid into the State Development Corporation Fund and shall be applied for the purposes authorised by the Perak State Development Corporation Enactment, 1967. Payment and application of loan.

**4. (1)** All monies borrowed and guaranteed under section 2, **Repayment.** together with all interests and other charges thereon, shall be repaid in accordance with the terms and conditions agreed upon between the State, Perak State Development Corporation and the Bank, or other financial source in accordance with section 2.

(2) In the event of the State being requested by the Bank or other financial source to honour its guarantee, there shall be appropriated out of the State Consolidated Fund and paid to the Bank or other financial source all sums due under the guarantee in accordance with the terms and conditions stipulated in the guarantee.

Passed this 3rd September, 1979.

[P.K.N. Pk. (Sulit) 40/1/1.]

(Signed)

**(HUSAIN BIN HAJI ANJANG•PULAU),**  
*Clerk of the Assembly, Perak*